



X



SWM ENVIRONMENT

SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

GREAT KITAREcycle CHALLENGE 2024 BERJAYA KUMPUL 107,239 KILOGRAM BARANGAN KITAR SEMULA

NEGERI SEMBILAN, 25 NOVEMBER 2024 – GREAT KITAREcycle Challenge 2024 (GKC2024) yang dianjurkan oleh SWM Environment dan Great Eastern Takaful Berhad (GETB) telah berjaya mengumpulkan sejumlah 107,239 kilogram barangan kitar semula dalam tempoh empat bulan (Julai-Okttober 2024) menerusi salah satu kategori yang dipertandingkan iaitu pengumpulan barangan kitar semula.

Program ini mencatatkan jumlah kutipan barangan kitar semula tertinggi yang melibatkan sejumlah lebih 60 buah sekolah menengah dan rendah di Negeri Sembilan dan Melaka. Ini menjadikannya satu pencapaian penting dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kitar semula dalam kalangan generasi muda.

Selain itu, terdapat beberapa kategori pertandingan di bawah program GKC2024 ini antaranya pembuatan arca 3R, penulisan esei, penghasilan video pendek, dan bercerita, yang semuanya berteraskan konsep kitar semula dan pemeliharaan alam sekitar. Pertandingan ini bukan sahaja mencungkil kreativiti para pelajar tetapi juga menyemai nilai-nilai kelestarian alam melalui karya-karya inovatif mereka.

Mengulas lanjut semasa Majlis Penutupan GREAT KITAREcycle Challenge 2024, Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful Berhad, En. Shahrul Azlan Shahrman berkata, "Melangkaui operasi perniagaan takaful keluarga, kami amat prihatin akan isu alam sekitar yang kian membimbangkan. Jalinan kerjasama korporat sebegini adalah antara usaha kami untuk memainkan peranan dalam membantu meningkatkan kesedaran para pelajar dan guru terhadap pengurusan sisa terpakai. Selain itu, kami turut menyumbangkan fasiliti kitar semula kepada sekolah-sekolah yang berjaya mengumpul barangan kitar semula melebihi 5,000 kilogram sepanjang program GKC2024 berlangsung."

GETB turut memperkenalkan inisiatif hasil semula (*upcycling*) sebagai langkah penjagaan alam sekitar yang proaktif menerusi siri taklimat serta demonstrasi mesin hasil semula 2-dalam-1 yang menghasilkan barangan dengan fungsi baharu yang diperbuat daripada bahan plastik terpakai kepada para pelajar dan guru. Melalui inisiatif ini, para pelajar dapat mengenal pasti aktiviti hasil semula yang boleh diamalkan di rumah dan di sekolah mereka serta memupuk cara hidup yang lebih mesra alam.

"Institusi pendidikan merupakan platform terbaik dalam membentuk pembudayaan kitar semula dalam kalangan generasi masa hadapan. Kerjasama erat dengan Jabatan Pendidikan Negeri telah membolehkan kami melibatkan pelajar-pelajar secara langsung dalam aktiviti CEPA (Communication, Education & Public Awareness) yang sangat penting dalam mewujudkan kesedaran tentang kitar semula dan kelestarian alam," kata Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam bin Mohd Nordin. Katanya lagi, melalui pertandingan-pertandingan ini, pelajar-pelajar mendapat pendedahan yang luas tentang kepentingan kitar semula dan bagaimana mereka boleh memainkan peranan aktif dalam membina sosio-budaya negara yang lebih lestari. Aktiviti seperti ini memberi motivasi kepada



pelajar untuk terus terlibat dalam usaha menjaga alam sekitar, seterusnya membentuk generasi yang lebih bertanggungjawab terhadap pemeliharaan bumi.

Melihat kepada perkembangan positif penyertaan daripada pihak sekolah, SWM Environment merancang lagi cabaran sekolah-sekolah terlibat dengan Cabaran 10 Hari sebagai pecutan terakhir di pusingan akhir Pertandingan Pengumpulan Barangan Kitar Semula. Cabaran 10 Hari ini turut membuka peluang kepada sekolah-sekolah lain yang berminat untuk bertanding dalam mengumpul barangan kitar semula dan menghasilkan video atau gambar kreatif untuk untuk merebut hadiah yang ditawarkan.

Cabaran 10 Hari ini ditambah bagi memberi pengiktirafan kepada sekolah-sekolah yang menunjukkan usaha luar biasa dalam program kitar semula, sekaligus menggalakkan sekolah-sekolah lain untuk turut aktif dalam program KITAREcycle. Dengan adanya cabaran ini, SWM Environment berharap dapat memupuk budaya kitar semula yang berterusan di sekolah dan dalam kalangan pelajar, yang dapat diteruskan walaupun selepas pertandingan berakhir.

Secara keseluruhannya, program GKC2024 ini telah menyatupadukan pelbagai pihak terutamanya para guru dan pelajar ke arah matlamat yang sama. Kesungguhan, kreativiti serta amalan hijau yang dipraktikkan sepanjang program berlangsung wajar dijadikan contoh kepada generasi muda yang lain. GETB dan SWM Environment turut merakamkan ucapan tahniah kepada semua pemenang di samping menghargai sokongan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia serta Jabatan Pendidikan Negeri yang terlibat.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Negeri Sembilan, Melaka dan Johor sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swm-environment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle



menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mulai tahun 2024, mata ganjaran yang terkumpul hanya sah untuk tempoh dua tahun dan boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelestarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Great Eastern Takaful juga dinamakan sebagai Majikan Terbaik oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric dan turut menerima pengiktirafan berdasarkan usaha kelestariannya oleh ESG Business Review Awards. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateastertakaful.com

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan (Negeri Sembilan & Melaka)

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com

Puan Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Great Eastern Takaful Berhad

Tel : 016 - 209 234

E-mel : MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com